

# 'Khairy perlu tabah hadapi tohmahan'

Tajol Rosli alami pengalaman sama ketika ayah jadi MB Perak

Oleh Ridzuan Yop, Ahmad Ghazali Musa dan Hasnira Hassan

**K**UALA LUMPUR: Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali mahu Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin tabah menghadapi tohmahan yang dilemparkan kerana beliau pernah melalui kesukaran seperti itu.

Katanya, sewaktu tinggal bersama bapanya, Tan Sri Ghazali Jawi yang ketika itu baru dilantik sebagai Menteri Besar Perak pada 1974, pelbagai tuduhan turut dilemparkan kepadanya.

"Ada pihak menuduh saya menjadi penasihat kepada ayah dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri hanya kerana saya tinggal serumah di kediaman Menteri Besar di Ipoh.

"Jadi benda (tuduhan) macam ini berlaku dan saya melaluinya masa ayah saya jadi Menteri Besar. Ada yang kata saya campur tangan, pada hal waktu itu saya baru 29 tahun," katanya pada sidang media di Ipoh, semalam.

Tajol Rosli berkata, ketika bapanya dilantik sebagai MB pada September 1974, beliau baru setahun kembali ke Perak dan bapanya mengajak beliau tinggal bersama kerana adik-beradik yang lain tidak tinggal bersama.

"Bila saya berkahwin, saya diminta

terus tinggal bersama mereka dan sehingga dapat anak pertama saya masih tinggal bersama ayah, menyebabkan macam-macam orang kata yang saya menasihati ayah dalam pentadbiran negeri," katanya.

Tajol Rosli berkata, lebih menarik ketika ayahnya ke luar negara dan Datuk Hisan Ibrahim diamanahkan menjalankan tugas sebagai Menteri Besar, ramai yang berkata saya yang menjalankan tugas ayah.

"Disebabkan 'Hisan' bunyinya seperti 'His Son' (anak dia) dalam ba-

**“Dulu, ada pihak menuduh saya menjadi penasihat kepada ayah dalam urusan pentadbiran kerajaan negeri semata-mata kerana saya tinggal serumah dengannya di kediaman Menteri Besar”**

**Mohd Tajol Rosli Ghazali**  
Menteri Besar Perak

hasa Inggeris... tanpa soal selidik saya dituduh menjalankan tugas sebagai Menteri Besar menggantikan ayah," katanya.

Di MELAKA, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata parti sedang memantau dan mempertimbangkan untuk mengambil tindakan disiplin terhadap pihak yang mengadu domba serta menghasut pihak lain hingga menjejaskan kestabilan.

Beliau berkata, beberapa individu terbabit yang juga ahli Umno kini dalam pemerhatian, berikutan sikap 'mencucuk' dan menyebarkan fitnah secara berterusan terhadap kepimpinan.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli Umno berwaspada terhadap fitnah yang sebenarnya ingin menjejaskan kestabilan parti kerana jika berterusan, ia boleh mengelirukan rakyat.

"Kita yakin penjelasan berserta fakta akan membolehkan semua pihak memahaminya. Kita pernah beberapa kali menghadapi pelbagai isu pada masa lalu dan penjelasan dilihat penting untuk menjernihkan semula keadaan.

"Saya yakin, kita dapat menghadapi keadaan ini dengan baik. Maka, saya harap, Tun (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) memberi peluang kepada Perdana

Menteri meneruskan perjuangan yang panjang ini," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata Dr Mahathir hanya memusnahkan diri sendiri apabila bersekongkol dengan mereka yang kecewa dengan Umno atau kerajaan.

Berucap di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dalam lawatan kerja dua hari ke Pahang semalam, beliau berkata tindakan Dr Mahathir bersama-sama beberapa bekas pemimpin Umno serta mereka yang kecewa dengan Umno, menyebabkan bekas Perdana Menteri itu hilang pertimbangan.

"Tun yang kita sanjungi telah dicucuk oleh mereka yang tidak bertanggungjawab sehingga hilang pertimbangan dan membuat tuduhan bukan-bukan," katanya.

Adnan berkata pelbagai tuduhan yang dibuat oleh Dr Mahathir dilihat amat berat termasuk "menjual negara".

"Kalau tuan-tuan dan puan-puan dapat jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Besar, bukan senang nak jual negara, setiap mereka yang dilantik menjadi Perdana Menteri itu ada sebabnya mengapa Allah melantiknya. Jadi, anggota perkhidmatan awam mesti menepis tuduhan ini," katanya.

BH - 11/8/2006